

Identiti dan maklumat peribadi Pemberi Maklumat akan dilindungi mengikut Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711) oleh agensi penguatkuasaan yang berkaitan sahaja.

Pemberi maklumat akan dimaklumkan mengenai hasil siasatan daripada maklumat yang dikemukakan. Sekiranya MDK menerima surat layang tanpa mengetahui pemberi maklumat, maka tiada keperluan untuk memaklumkan keputusan siasatan kecuali lapor di dalam mesyuarat berkaitan sahaja.

SALURAN ADUAN

Pengadu boleh menyampaikan aduan/maklumat kepada **Ketua Unit Integriti** dan seorang **Ahli Majlis** yang dilantik melalui beberapa saluran seperti yang berikut:

- Telefon ➤ Whatsapp
- Khidmat Pesanan Ringkas (SMS)
- Surat ➤ E-mel

KEPERLUAN ADUAN

- 1 Menggalakkan aduan atau pendedahan maklumat mengenai sebarang salah laku atau kelakuan tidak wajar.
- 2 Memastikan warga MDK, bersikap lebih bertanggungjawab, tidak menyalahgunakan kuasa dan kedudukan mereka disamping meningkatkan profesionalisme, kecekapan dan tadbir urus di MDK
- 3 Memberikan perlindungan yang sewajarnya kepada pengadu daripada tindakan yang memudaratkan dan maklumat yang dilaporkan adalah sulit
- 4 Mempromosikan saluran komunikasi secara terbuka dan budaya kerja yang telus sebagai mekanisme *check & balance* di MDK.

TINDAKAN ADUAN

- ✓ Lembaga tatatertib
- ✓ Agensi Penguatkuasaan
- ✓ -SPRM/PDRM/AGENSI BERKAITAN
- ✓ Cadangan penambahbaikan
- ✓ Laporan/Rekod di dalam mesyuarat

AMARAN !

Sebarang penyalahgunaan mekanisme pemberi maklumat seperti mengemukakan **maklumat palsu, aduan palsu atau tohmahan berunsur fitnah** yang dibuat bertujuan menjatuhkan imej MDK atau warga kerjanya. Ini merupakan satu **kesalahan** dan tindakan tatatertib boleh diambil ke atas pemberi maklumat di kalangan warga MDK.